

BUTIRAN IKLAN

- a) Tajuk Iklan : **CADANGAN UNTUK MEMBUKA SEMULA SEWAAN BAGI MEMPELAWA PIHAK-PIHAK YANG BERMINAT UNTUK MENYEWA PREMIS MILIK MBSP DI ATAS LOT 21788, MUKIM 15, TAMAN TANGLING INDAH, SPS**
- b) Tarikh Iklan adalah bermula pada **1 Ogos 2025 hingga 1 September 2025 (sebelum jam 12 tengahari)**;
- c) Pelan lokasi, pelan tapak dan gambar foto; dan
- d) Syarat-syarat permohonan penyewaan adalah seperti berikut :-
- (i) Permohonan ini terbuka kepada mana-mana warganegara Malaysia yang berusia 21 tahun dan ke atas atau syarikat-syarikat yang berminat dan hendaklah tidak berstatus muflis;
 - (ii) Pemohon-pemohon yang layak bolehlah memohon secara bertulis (tiada borang disediakan) kepada MBSP untuk menyewa harta-harta MBSP ini dengan menyatakan kadar sewaan, tujuan sewaan, tempoh sewaan dan jumlah pelaburan yang akan dibelanjakan bagi tujuan permohonan ini serta perinciannya;
 - (iii) Setiap pemohon perlulah mencatitkan perkataan '**Permohonan Untuk Menyewa Harta Milik MBSP**' di atas sebelah kiri sampul surat permohonan;
 - (iv) Setiap pemohon mestilah menyerahkan permohonan yang telah lengkap diisi dan ditandatangani serta diletakkan ke dalam satu sampul surat yang dimeterai. Permohonan tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti menerima permohonan yang disediakan di Kaunter Berpusat MBSP bermula pada **1 Ogos 2025 hingga 1 September 2025 (sebelum jam 12 tengahari)**;
 - (v) Pemohon dikehendaki menawarkan kadar sewa yang **menyamai kadar sewa rezab atau melebihi kadar sewa rezab seperti di Jadual 2**. Kadar sewaan akan dinaikkan sebanyak 10% pada setiap opsyen pembaharuan sewaan;

BIL	LOKASI	TEMPOH SEWAAN	KADAR SEWA REZAB SEBULAN (RM)
1.	Premis Milik MBSP Di atas Lot 21788, Mukim 15, Taman Tangling Indah, SPS	Tiga (3) tahun + opsyen dua (2) tahun (3+2)	RM6,000 + SST

- (vi) Tempoh sewaan ialah selama tiga (3) tahun dan dengan opsyen melanjutkan tempoh sewaan selama dua (2) tahun (3+2);
- (vii) Opsyen untuk melanjutkan tempoh sewaan adalah kepada MBSP. Pemohon dikehendaki memohon kepada MBSP untuk melanjutkan tempoh sewaan tiga (3) bulan sebelum berakhirnya sewaan tiga (3) tahun yang pertama dan kedua;
- (viii) Caj denda lewat sebanyak 10% daripada bayaran sewa bulanan akan dikenakan sekiranya penyewa lewat membayar selama satu (1) bulan dan kadar 20% daripada bayaran sewa bulanan akan dikenakan sekiranya lewat membayar selama dua (2) bulan;
- (ix) Permohonan penyewaan ini adalah tertakluk kepada konsep "**As Is Where Is Basis**". Segala kos pembersihan tapak, kos pembaikan, kos penyenggaraan, kos

- pembinaan, kos pengurusan dan lain-lain kos yang berkaitan adalah di bawah tanggungjawab pemohon sepenuhnya;
- (x) Tujuan sewaan adalah sebagai kompleks penjaja sahaja;
- (xi) Bayaran sewaan hendaklah dijelaskan di awal bulan sebelum 7 haribulan;
- (xii) Bayaran deposit sewaan adalah bersamaan tiga (3) bulan sewa dan ditambah kos-kos denda lewat dan cagaran utiliti. Bayaran deposit sewaan ini hendaklah dijelaskan sebaik sahaja pemohon menerima tawaran sewaan MBSP. Bayaran deposit ini akan dipulangkan semula kepada pemohon tanpa faedah selepas tamatnya tempoh perjanjian sewaan atau apabila berlaku penamatkan awal dan selepas ditolak apa-apa hutang yang tertunggak kepada MBSP. Walau bagaimanapun, keseluruhan deposit sewaan akan dirampas oleh MBSP jika selepas penerimaan tawaran sewaan, pemohon gagal memperolehi kelulusan pelan bangunan daripada MBSP serta gagal untuk menjalankan operasi perniagaan sepertimana yang diluluskan oleh MBSP dan pemohon memohon untuk menamatkan sewaan daripada MBSP atau ditamatkan sewaan lebih awal oleh MBSP atas pelanggaran kontrak sewaan;
- (xiii) Pemohon hendaklah menyatakan persetujuan menerima tawaran sewa daripada MBSP dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh surat MBSP dikeluarkan. Pemohon dianggap menolak tawaran jika gagal menyatakan persetujuan menerima tawaran sewa dalam jangkamasa yang ditetapkan;
- (xiv) Pemohon hendaklah memastikan bahawa kesemua bil utiliti yang berkaitan daftarkan di atas nama pemohon di sepanjang tempoh penyewaan;
- (xv) Pemohon hendaklah menjelaskan segala bil air, elektrik, IWK, bil-bil utiliti lain dan cukai-cukai yang berkaitan dengan penggunaan di atas bangunan yang disewakan;
- (xvi) Pemohon dengan kos sendiri dikehendaki mengemukakan bukti-bukti resit bayaran bil air, elektrik, IWK, bil-bil utiliti lain dan cukai-cukai yang berkaitan setiap tiga (3) bulan ke Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MBSP;
- (xvii) Pemohon dikehendaki mengemukakan pelan bangunan untuk kelulusan Jabatan Bangunan dalam tempoh selewat-lewatnya satu (1) bulan dari tarikh sewaan bermula sebelum melakukan sebarang pembinaan, pengubahsuaian atau pemberian bangunan;
- (xviii) Pemohon tidak dibenarkan menukar tujuan sewaan sepertimana yang telah diluluskan oleh MBSP tanpa kelulusan bertulis oleh Majlis;
- (xix) MBSP hendaklah dilindungi dan dilepaskan daripada sebarang tuntutan pihak ketiga berkaitan dengan apa-apa aktiviti sewaan yang dijalankan oleh pemohon di sepanjang tempoh sewaan ini;
- (xx) Pemohon hendaklah memastikan aktiviti penyewaannya dan segala aktiviti perniagaan di premis MBSP tidak menyalahi apa-apa perundangan di Malaysia;
- (xxi) Pemohon tidak dibenarkan mempamerkan apa-apa iklan minuman keras atau menjual minuman keras di mana-mana bahagian kawasan yang disewa;
- (xxii) MBSP berhak mengambil balik premis berkenaan pada bila – bila masa untuk kegunaan Majlis pada masa hadapan dan pemohon tidak boleh menuntut apa – apa ganti rugi daripada MBSP;

- (xxiii) Pemohon tidak dibenarkan menyerah, menyewa kecil atau melepaskan mana-mana bahagian premis yang disewakan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada MBSP;
- (xxiv) Sekiranya permohonan penyewaan kecil diluluskan oleh MBSP, pemohon dikehendaki memasukkan klausa dalam perjanjiannya dengan mana-mana pihak ketiga bahawa sekiranya penyewaannya dengan MBSP tamat atau apabila berlakunya penamatan awal sewaan maka secara langsung perjanjian di antara penyewa dengan mana-mana pihak ketiga ditamatkan dengan serta-merta dan tiada apa-apa tuntutan pampasan boleh dibuat kepada MBSP;
- (xxv) Pemohon hendaklah membenarkan pegawai-pegawai, kakitangan atau agen MBSP pada masa-masa yang munasabah memasuki dan memeriksa premis serta tapak yang disewakan;
- (xxvi) Pemohon tidak dibenarkan mendirikan apa-apa struktur binaan berhala atau tokong di atas premis serta tapak yang disewakan;
- (xxvii) Pemohon dikehendaki menyerahkan kepada MBSP keseluruhan bangunan yang disewa bersama-sama dengan pengubahaian dan penambahan yang telah dilakukan terhadap mana-mana bahagian bangunan sewaan (jika ada) di akhir penyewaan atau apabila berlaku penamatan awal sewaan tanpa menuntut apa-apa pampasan. Mana-mana bahagian pengubahaian dan penambahan yang tidak dikehendaki oleh MBSP hendaklah dikeluarkan oleh pemohon dan segala kos ditanggung sepenuhnya oleh pemohon;
- (xxviii) Mana-mana pihak boleh menamatkan perjanjian sewaan ini dengan memberi pihak satu lagi tiga (3) bulan notis secara bertulis;
- (xxix) MBSP berhak menamatkan perjanjian sewaan ini tanpa memberi sebarang notis sekiranya bayaran sewaan tapak berkenaan tidak dibayar selama lebih dua (2) bulan;
- (xxx) MBSP berhak untuk menawarkan kepada mana-mana pihak mengikut jenis cadangan kegunaan dan kadar sewa yang ditawarkan oleh pemohon dan berhak menolak mana-mana permohonan serta tidak terikat untuk menerima mana-mana permohonan;
- (xxxi) Pemohon dikehendaki memperolehi lesen-lesen yang berkaitan dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh agensi-agensi dan jabatan-jabatan termasuklah jabatan-jabatan teknikal MBSP yang mengawalselia aktiviti-aktiviti perniagaan;
- (xxxii) Pemohon dikehendaki menandatangani perjanjian sewaan dengan MBSP dan menanggung sepenuhnya segala kos penyediaan perjanjian dan bayaran duti setem yang terlibat; dan
- (xxxiii) Syarat-syarat lain sewaan yang akan ditentukan oleh MBSP.


- e) Sekiranya tuan memerlukan maklumat lanjut berhubung perkara ini, tuan boleh menghubungi Encik Ahmad Syahrir bin Jaafar di talian 04-5497496, Encik Abd Latif bin Yaman di talian 04-5497497 dan Puan Nurmaizun binti Mohd Noor di talian 04-5497856 atau Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta di talian 04-5497493.

PELAN LOKASI



KOORDINAT
(5.265452, 100.476379)

PELAN TAPAK



GAMBAR FOTO

